

UMS lancar aplikasi mudah alih untuk pengguna gadget pintar

NGT 11.1.2014. 11

KOTA KINABALU: Seajar dengan perkembangan teknologi terkini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun oleh semua pengguna gadget pintar android kelmarin..

Pelancaran aplikasi tersebut juga sebagai usaha untuk memenuhi objektif Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UMS-KRA) yang ke-4 iaitu memperkuh tadbir urus, kepimpinan dan sistem penyampaian.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah selepas Majlis Perhimpunan Jabatan Canselori di Galeri Majlis universiti eko-kampus itu.

Aplikasi tersebut yang dihasilkan melalui inisiatif Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) boleh diakses melalui jalur lebar tanpa wayar (Wi-Fi) atau mobile data.

Menurut Dr Harun, langkah mewujudkan sistem tersebut amat bertepatan dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ter-

hadap pelajar dan kakitangan.

“Buat masa ini, UMS telah menyediakan kemudahan aplikasi mudah alih bagi kegunaan pelajar dan akan dikembangkan untuk kegunaan staf pada masa akan datang,” ujarnya lagi.

Terdahulu, dalam amanatnya kepada kakitangan Jabatan Canselori beliau berkata, penerapan disiplin yang tinggi perlu terus diperkasakan ke arah membentuk pekerja yang cemerlang dan berdaya saing.

Katanya, setiap kakitangan perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam dengan sebaik mungkin, sentiasa menghargai dan menepati masa serta sentiasa berfikir maju ke hadapan selain terus mengamalkan komunikasi berkesan.

Lebih seratus kakitangan Jabatan Canselori hadir pada majlis perhimpunan tersebut. Hadir sama, Bendahari UMS, Tuan Hj Rizal Othman; Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Ag. Amit dan Ketua Jabatan Canselori, No'man Datuk Hj. Ahmad.



LANCARKAN ... Dr Harun (tengah) melancarkan aplikasi mudah alih UMS untuk pengguna gadget pintar sambil disaksikan oleh No'man (kiri) dan Noorhapipah (kanan).



HADIR ... Antara kakitangan Jabatan Canselori yang hadir pada perhimpunan itu.